

Penjagaan Jangka Panjang Warga Tua: Sukarela Atau Terpaksa

Suridah Binti Ali, Rahimah Abdul Aziz & Mimi Hanida Abdul Mutalib^a

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email of corresponding auhtor: suridah22@gmail.com

Abstrak

Malaysia dijangka menjadi negara tua menjelang tahun 2035 kerana jumlah warga tua dijangka meningkat. Namun begitu, sebahagian daripada warga tua terutamanya yang sakit dan uzur memerlukan penjagaan daripada orang lain. Penjagaan warga tua ini biasanya dilakukan secara formal atau tidak formal. Bagi yang tidak berkemampuan mereka memilih untuk menjaga warga tua secara tidak formal. Penjagaan warga tua menuntut banyak masa dan ada perlu dilakukan secara jangka panjang. Menjaga warga tua yang sakit dan uzur bukan sesuatu perkara yang mudah kerana ia menuntut kesabaran dan komitmen yang tinggi daripada penjaga. Hal ini kerana sifat semulajadi warga tua yang lemah, uzur dan sakit itu menyebabkan mereka perlu bergantung kepada orang lain. Dalam hal ini timbul soalan adakah penjaga tidak formal menjaga warga tua yang sakit dan uzur itu secara sukarela atau terpaksa. Kertas kerja ini akan membincangkan sebab-sebab yang mendorong penjaga tidak formal menjaga warga tua yang sakit dan uzur sama ada secara sukarela atau terpaksa. Kajian ini telah dijalankan di daerah Besut, Terengganu dalam kalangan 12 orang informan yang dipilih melalui pensampelan *snowball*. Secara umumnya, kajian mendapati kebanyakan penjaga tidak formal menjaga warga tua atas pelbagai sebab. Antaranya ialah ingin membalas jasa, rasa tanggungjawab, tiada pilihan dan pilihan warga tua. Oleh yang demikian, atas sebab-sebab tersebut yang menentukan mereka melaksanakan tugas penjagaan itu secara sukarela atau terpaksa. Secara kesimpulannya, menjaga warga tua yang sakit dan uzur merupakan satu tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh penjaga tidak formal sama ada ianya dilakukan secara sukarela atau terpaksa. Walaupun penjaga berdepan dengan pelbagai masalah dan cabaran semasa tempoh penjagaan jangka panjang, mereka tetap perlu menjaga warga tua secara sukarela atau terpaksa.

Kata kunci: Penjaga Tidak Formal; Warga Tua; Penjagaan Jangka Panjang; Penjagaan Tidak Formal.

1. Pengenalan

Proses perindustrian dan pembangunan menyebabkan berlaku perubahan dalam demografi masyarakat (Rowles & Teaster, 2016). Perubahan yang berlaku telah meningkatkan jumlah populasi warga tua kerana jangka hayat penduduk dunia semakin meningkat dan kadar kematian menurun. Mengikut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Malaysia dijangka menjadi negara tua menjelang tahun 2035 dengan jumlah penduduk berumur 60 tahun dan ke atas dijangka mencecah 15.0 peratus (Selvaratnam, et al., 2010). Proses peningkatan jangka hayat warga tua di negara Malaysia disebabkan perubahan positif yang berlaku pada masyarakat kini seperti kemajuan sains dan teknologi perubatan, peningkatan taraf hidup, penurunan kadar mortaliti, kemerosotan fertiliti, peningkatan tahap pendidikan dan peningkatan kesedaran terhadap kepentingan kesihatan (Osman Ali, 1999). Peningkatan jumlah warga tua ini memberi cabaran baru kepada kebanyakan negara di dunia pada hari ini. Kalache (2005) menyatakan peningkatan jangka hayat warga tua dilihat sebagai satu *silent revolution* yang boleh memberi kesan kepada seluruh aspek kemasyarakatan. Hal ini kerana warga tua menghidap pelbagai penyakit kronik yang menyebabkan mereka perlu bergantung pada orang lain untuk tempoh

masa yang lama. Penyakit-penyakit kronik yang biasa dihidapi oleh warga tua adalah arthritis, darah tinggi, masalah pendengaran, sakit jantung, katarak, masalah pendengaran dan diabetes. Selain daripada itu, warga tua juga menghidapi penyakit-penyakit kronik seperti sclerosis, Alzheimer's, strok dan Parkinson dihidapi dalam tempoh masa yang panjang dan memerlukan kos perubatan yang tinggi (Sullivan & Miller, 2015). Peningkatan jumlah warga tua yang uzur dan sakit juga menyebabkan keperluan terhadap aspek penjagaan turut meningkat. Namun demikian, penjagaan warga tua pada masa sekarang lebih mencabar berbanding pada masa lepas dan dijangka lebih mencabar pada masa akan datang. Hal ini kerana seorang warga tua menghidapi pelbagai penyakit kronik yang memerlukan cara penjagaan yang berbeza dan dilakukan secara jangka panjang (Bruhn & Rebach, 2014). Oleh itu, makalah ini cuba merungkai apakah sebab-sebab yang mendorong ahli keluarga menjadi penjaga sama ada secara sukarela atau terpaksa.

2. Penyataan Masalah

Penjagaan warga tua yang sakit dan uzur perlu dilakukan secara jangka panjang sama ada dilakukan sama ada secara formal atau tidak formal. Penjagaan secara formal biasanya dilakukan di rumah-rumah penjagaan, pusat jagaan harian dan dijaga oleh penjaga profesional dan terlatih. Akan tetapi, kemudahan yang disediakan di rumah-rumah warga tua ini tidak mencukupi untuk menampung jumlah penghuni yang semakin meningkat (Seow & Sanmargaraja, 2014). Bagi penjagaan tidak formal, penjaga memilih untuk menjaga ahli keluarga mereka yang sakit dan uzur di rumah. Namun begitu, menurut Fatimah Abdullah (2009), penjagaan tidak formal di Malaysia berhadapan dengan cabaran kerana terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi peranan penjagaan. Antaranya ialah kedudukan sosio ekonomi sesebuah keluarga dalam struktur sosial dan penjaga berhadapan dengan tekanan untuk menyediakan penjagaan yang mencukupi untuk ahli keluarga. Penjaga juga berhadapan dengan masalah kewangan, kurangnya sokongan sosial daripada orang lain terutamanya ahli keluarga. Malah penjaga yang bekerja pula, berhadapan dengan masalah mengimbangi peranan dalam pekerjaan dan peranan sebagai penjaga.

3. Kaedah Kajian

Kajian melibatkan 12 orang penjaga tidak formal sebagai sampel kajian di daerah Besut, Terengganu. Penjaga tidak formal ini terdiri daripada ahli keluarga warga tua itu sendiri iaitu, pasangan, anak dan menantu perempuan. Pemilihan saiz sampel yang kecil ini bersesuaian dengan kajian kes yang mendalam (Sidek, 2002). Kaedah pensampelan *snowball* digunakan dalam pemilihan informan kajian. Pemilihan informan kajian berdasarkan tiga kriteria utama iaitu, informan mestilah seorang penjaga yang tidak formal kepada warga tua yang sakit dan uzur, kedua, informan mestilah telah menjaga bagi tempoh yang lama dan mestilah tinggal bersama dengan penerima jagaan. Penyelidik telah menggunakan kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian tidak ikut serta bagi mendapatkan data kajian. Sesi temu bual ini dilakukan di rumah informan tanpa dipengaruhi individu lain. Tambahan pula, pada masa yang sama informan perlu menjaga dan memantau warga tua yang sakit dan uzur di rumah. Hal ini kerana penyelidik perlu juga mendapatkan data daripada pemerhatian tidak ikut serta. Setiap data yang diperolehi daripada kaedah temu bual digabungkan dan ditranskripkan untuk mendapat dapatan yang lebih mendalam dan mempunyai kesahan. Selepas proses transkrip, data-data tersebut disusun atur ke dalam bahagian dan dikodkan. Setiap data yang telah diperolehi diinterpretasikan mengikut tema-tema yang berkaitan dengan tajuk kajian. Data-data tersebut dipersembahkan secara deskriptif.

3.1 Sosio Demografi Informan

Kajian ini telah melibatkan sebelas (11) orang informan perempuan dan seorang informan lelaki yang menjaga warga tua yang sakit, uzur dan tidak upaya secara tidak formal dan sepenuh masa. Kesemua informan yang telah ditemu bual berumur sekitar 21 tahun hingga 70 tahun, beragama Islam dan dari kalangan kaum Melayu. Bagi status perkahwinan pula seramai lapan orang informan telah berkahwin, dua orang informan masih bujang, seorang balu (kematian suami) dan seorang telah bercerai dengan suaminya. Taraf pendidikan informan yang tertinggi adalah di peringkat Diploma, manakala yang paling rendah adalah tamat darjah 6. Dari segi pendapatan pula, ada dalam kalangan informan tidak mempunyai pendapatan kerana tidak bekerja, ada yang mendapat bantuan kewangan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM), ada yang bekerja sendiri, menerima bantuan kewangan daripada anak-anak dan pencen sebagaimana yang ditunjukkan Jadual 1.

Jadual 1: Sosio demografi penjaga (Informan)

Nama Informan (samaran)	Umur (tahun)	Jantina	Status Perkahwinan	Bil. Anak (orang)	Taraf Pendidikan	Pekerjaan	Pendapatan (RM)	Bil. Adik-beradik (orang)
Mok Su	70	P	Berkahwin	2 (1L/1P)	Darjah 6	-	-	6
Kak Nah	59	P	Berkahwin	12(5L/7P)	Darjah 6	-	-	8
Cik Der	58	P	Berkahwin	6(3L/3P)	Darjah 6	-	-	7
Ramlah	61	P	Berkahwin	8(6L/2P)	Darjah 6	-	-	4
Azi	21	P	Bujang	-	STPM	-	-	11(6L,5P)
Azmi	24	L	Bujang	-	Ting.2	-	RM200.00 (bantuan JKM)	2L
Mok Cik Sah	59	P	Berkahwin	9(8L,1P)	Ting.3	-	-	7(2L,5P)
Hani	31	P	Berkahwin	1L(anak Istimewa)	STPM	-	*RM1200.00	6(4L,2P)
Mok Teh	57	P	Balu	12 (6L/6P)	Ting. 3	Peniaga Kedai Makan	RM400.00	10(8L,2P)
Cikgu	62	P	Berkahwin	7(3L,4P)	Diploma	Pesara Guru	RM3000.00 (pencen)	7
Cik Mah	46	P	Janda	-	Ting 3	Pengasuh	RM350.00	11(7L/4P)
Kak Yah	58	P	Berkahwin	5(1L/4P)	Darjah 6	-	-	5

Sumber: Kaji Lapangan 2016

Jadual 2 menunjukkan profil sosio demografi warga tua atau penerima jagaan. Seramai 12 orang warga tua sebagai penerima jagaan iaitu, terdiri daripada sepuluh orang lelaki dan dua wanita.

Kesemua warga tua yang terlibat dalam kajian ini berumur di antara 64 tahun hingga 96 tahun. Seramai sebelas orang warga tua telah berkahwin dan seorang duda. Pendapatan yang diperolehi dalam sebulan sekitar RM200.00 hingga RM500.00. Sumber pendapatan tersebut terdiri daripada pemberian daripada anak-anak, simpanan peribadi, bantuan JKM dan pencen. Berkaitan tahap kesihatan pula, seramai enam orang daripada warga tua ini didapati menghidap penyakit strok. Penyakit-penyakit yang dihidapi ialah sakit buah pinggang, gout, paru-paru, kencing manis, penyakit saraf, sakit jantung dan masalah prostat. Malah, kajian turut mendapati seramai 8 orang menghidap lebih daripada satu jenis penyakit.

Jadual 2: Sosio demografi warga tua (penerima jagaan)

Nama Penerima Jagaan (samaran)	Jantina	Umur (tahun)	Status Perkahwinan	Bil. Anak (orang)	Pendapatan	Jenis Penyakit
Pak Hasan	Lelaki	67	Berkahwin	2 (1L/1P)	RM450.00 (pencen)	<ul style="list-style-type: none"> • Sakit buah pinggang • Gout • Paru-paru
Pak Su	Lelaki	66	Berkahwin	12 (5L/7P)	RM800.00 (pencen)	<ul style="list-style-type: none"> • Strok • Kencing Manis • Darah tinggi
Pak Lah	Lelaki	66	Berkahwin	6 (3L/3P)	RM200.00 (Bantuan JKM)	<ul style="list-style-type: none"> • Strok • Darah Tinggi
Pak Mat	Lelaki	67	Berkahwin	8 (6L/2P)	RM500.00 (Pencen)	<ul style="list-style-type: none"> • Sakit Buah Pinggang
Ismail	Lelaki	74	Berkahwin	11 (6L/5P)	Anak	<ul style="list-style-type: none"> • Strok
Zainab	Perempuan	66	Berkahwin	2L	RM300.00 (Bantuan JKM)	<ul style="list-style-type: none"> • Strok
Ayah Ziz	Lelaki	64	Berkahwin	9 (8L/1P)	Anak	<ul style="list-style-type: none"> • Strok
Mak Leha	Perempuan	60	Berkahwin	6L	RM200.00 (Bantuan JKM)	<ul style="list-style-type: none"> • Sakit buah pinggang • Kencing Manis (Kaki Kiri dipotong)
Pak Harun	Lelaki	96	Berkahwin	10(8L/2P)	RM200.00 (Bantuan JKM)	<ul style="list-style-type: none"> • Sakit tua • Penglihatan kabur
Pak Rashid	Lelaki	66	Berkahwin	7 (3L/4P)	- *duit simpan	<ul style="list-style-type: none"> • Kencing Manis • Jantung
Pak Ahmad	Lelaki	78	Duda	11(7L/4P)	RM400.00 (pencen)	<ul style="list-style-type: none"> • Strok (belah kiri) • Saraf
Pak Man	Lelaki	71	Berkahwin	5(1L/4P)	RM500.00 (pencen)	<ul style="list-style-type: none"> • Sakit Jantung • Prostat

Sumber: Kajian Lapangan 2016

Selain daripada itu, Jadual 3 menunjukkan jenis hubungan antara penjaga dan warga tua sebagai penerima jagaan, tempoh masa jagaan dan status kesihatan warga tua. Berkaitan jenis hubungan antara penjaga dengan penerima jagaan adalah terdiri daripada ahli keluarga yang rapat dengan penerima jagaan. Penjaga terdiri daripada pasangan hidup iaitu, isteri dan anak-anak. Hal ini jelas membuktikan bahawa beberapa dapatan daripada kajian lepas menyatakan warga tua yang sakit dan uzur akan bergantung kepada ahli keluarga terdekat untuk menjaga mereka ketika sakit. Berdasarkan jadual ini juga menunjukkan bahawa penjaga telah menjaga warga tua yang sakit dan uzur ini untuk tempoh masa yang lama iaitu sekitar setahun lebih hingga 15 tahun. Selain daripada itu, status kesihatan warga tua yang dijaga turut ditunjukkan dalam jadual. Kebanyakan daripada warga tua yang sakit mempunyai masalah pergerakan, sakit terlanjar dan masalah penglihatan. Malah ada dalam kalangan informan yang menghidap sakit buah pinggang yang kronik terpaksa ditebuk di bahagian perut untuk tujuan hemodialisis.

Jadual 4: Jenis hubungan, tempoh jagaan dan status kesihatan penerima jagaan

Nama Penerima Jagaan (samaran)	Penjaga	Hubungan	Tempoh Jagaan (tahun)	Status Kesihatan Penerima Jagaan
Pak Hasan	Mok Su	Isteri	1 >	Kurang upaya, perut ditebuk
Pak Su	Kak Nah	Isteri	1 >	Terlanjar
Pak Lah	Cik Der	Isteri	15	Masalah pergerakan, masalah pertuturan
Pak Mat	Ramlah	Isteri	1	Kurang upaya, perut ditebuk
Ismail	Azi	Anak	10	Terlanjar, masalah pertuturan
Zainab	Azmi	Anak	15	Masalah pergerakan, sebelah kiri badan lumpuh
Ayah Ziz	Mak Cik Sah	Isteri	1>	Kurang upaya, Masalah pergerakan
Mak Leha	Hani	Menantu	4	Tidak boleh bergerak, kaki kiri dipotong, perut ditebuk
Pak Harun	Mok Teh	Anak	1	Kurang upaya, masalah penglihatan
Pak Rashid	Cikgu	Isteri	2	Kurang upaya, masalah penglihatan
Pak Ahmad	Cik Mah	Anak	2	Masalah pergerakan
Pak Man	Kak Yah	Isteri	1	Masalah pergerakan

Sumber: Kaji Lapangan 2016

4. Dapatan Kajian

Berikut ialah dapatan kajian berkenaan sebab-sebab penjaga menjaga warga tua yang sakit dan uzur yang menentukan mereka menjaga warga tua sama ada secara sukarela atau terpaksa.

4.1 Membalas jasa

Kajian ini mendapati ada dalam kalangan penjaga menjaga warga tua adalah untuk membalas jasa. Kajian Khadijah Alavi et al (2010) mendapati kebanyakan informan menyatakan

tanggungjawab penjagaan yang dilaksanakan adalah untuk membalas budi ibu bapa dan merupakan tuntutan agama. Tuntutan agama Islam ini merupakan salah satu strategi dan sumber daya tindak yang dilalui oleh informan. Tanggungjawab penjagaan ini bermula dengan bertawakkal dan berakhir dengan tabah hati, sabar dan redha mengharungi cabaran dalam menjaga ibu bapa mereka. Sebagaimana yang dikongsi oleh informan Azmi (bukan nama sebenar. Beliau tidak pernah menyesal mengambil tanggungjawab menjaga ibu yang menghidap penyakit strok. Walaupun beliau seorang Orang Kelainan Upaya, beliau dengan rela hati menjaga ibu beliau yang sedang sakit. Beliau memberitahu, "...nyesal..tak penoh kak..mok kita...nok tok sey pun kena jaga jugok...balas jasa mok...masa kecik mulo mok jaga kita..."

Tuntutan untuk menjaga ibu bapa apabila tua dan uzur memberi kepuasan kepada anak-anak. Hal ini kerana anak-anak berjaya membalas jasa ibu bapa yang telah menjaga mereka sejak dari kecil. Walaupun kerajaan telah menyediakan institusi penjagaan formal bagi warga tua yang sakit dan uzur dengan pelbagai kemudahan, akan tetapi nilai masyarakat Malaysia masih melihat tugas menjaga ibu bapa yang sakit dan uzur adalah tanggungjawab yang mesti dipikul oleh anak-anak.

4.2 Tanggungjawab

Dapatan awal mendapati penjaga menyatakan tanggungjawab menjaga warga tua yang sakit dan uzur bagi tempoh masa yang lama adalah sebagai salah satu tanda kepatuhan sebagai isteri atau anak kepada warga tua. Sebagaimana yang diceritakan oleh Mak Cik Sah (bukan nama sebenar) yang menjaga suami beliau yang menghidap strok. Beliau menceritakan suami beliau cepat marah selepas menghidap penyakit strok sehingga ingin memukul beliau. Akibat takut akan tindakan suami beliau, beliau terpaksa melarikan diri ke tempat lain seperti rumah anak atau jiran-jiran untuk menyelamatkan diri beliau. Sebagaimana diceritakan oleh beliau kepada penyelidik,

"...ishh...kalu angin dia tak kena dia nok katok (pukul) sokmo mok cik..bekeng...kalu mok cik jawab mulut dia gak, marah slalu...baru ni dia marah ko mok cik, dia tidur, smaye lewat lah...smaye caro dio lah..pas tu dia kata mok cik nganjing ko dia..gunggh tohok barang...bekeng ore strok ni..skala gak kalu nok marah ko mok cik dia nok tang (pukul) mok cik..mok cik lari la...takut mok cik..pah tu lama mok cik lari gi lain, dia ilang lah...tak marah doh..kita kena ngaloh dengan dia, tak leh nak melawan dia..kalu kita sekat angin dia gak sudah la..mok cik biar je dia...kau mok cik tak sey jawab gak, mok cik senyap....".

Berdasarkan pengalaman yang dikongsi oleh Mak Cik Sah menunjukkan beliau adalah seorang isteri yang patuh kepada suami. Tanggungjawab menjaga suami yang sedang sakit dilaksanakan dengan hati yang terbuka walaupun ada ketikanya emosi suami beliau tidak stabil. Bagi informan yang menjaga ibu bapa yang sakit pula, menyifatkan sebagai anak beliau perlu patuh dan berbakti kepada orang tua. Informan Azi menceritakan beliau terpaksa melupakan hasrat untuk bekerja atau menyambung pelajaran disebabkan perlu menjaga kedua orang tuanya yang sedang sakit. Beliau berkata "...ada rasa..tapi payoh lah...abah ngan ma tak leh tinggal..masa sekolah mulo kakok jaga..pahtu dia nikoh..ikut tok laki dia...pahtu kakak sore lagi plak jaga..ni dia kijo pulok..kebetulan kita pun abis sekolah..kita pulok jaga...". Berdasarkan pengalaman yang dikongsi oleh Azi menunjukkan beliau patuh kepada arahan atau saranan daripada kakak atau abang yang telah berumah tangga untuk menjaga ibu bapa yang sedang sakit memandangkan beliau masih bujang. Kesanggupan beliau untuk melupakan keinginan sendiri adalah untuk berbakti kepada ibu bapa. Berdasarkan kes kedua-dua informan ini, mereka melaksanakan tanggungjawab penjagaan secara sukarela walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah dan cabaran.

4.3 Tiada Pilihan

Ada juga dalam kalangan informan yang terpaksa memikul tanggungjawab menjaga kerana tiada orang lain yang sanggup menjaga dan ada juga yang menjaga kerana faktor belas ehsan. Migrasi ke bandar turut menyebabkan peranan penjagaan terbeban ke atas bahu seorang atau beberapa orang ahli keluarga sahaja. Kajian oleh Fatimah Abdullah (2009) mendapati anak-anak yang menetap di kampung sama ada tinggal bersama, berdekatan atau agak jauh dari rumah ibu bapa kerap kali memikul peranan sebagai penjaga. Penjaga kebanyakannya adalah wanita iaitu isteri, ibu, anak perempuan atau saudara mara perempuan yang lain. Malah terdapat seorang menantu sanggup menjaga ibu mertua yang sedang sakit. Informan Hani, selain menjaga ibu mertua yang sakit, beliau juga mempunyai seorang anak istimewa yang berusia tiga tahun. Beliau memberitahu,

“...saya menantu..duduk tiga beranak ni je...suami saya kerja kat Kuala Lipis..balik jarang-jarang...dia kerja bawak lori buah. Anok-anok hok lain tak dok sini...hok ada pun sore je..hok bongso duduk Sarawak..balik juga..masa cuti..hok duduk sini tu, dia dah ada rumah sendiri..tapi kalau mok nok gi spital gak dia la mari atar mari ambik..saya pun kira macam duk nupang sini..saya tak dok rumah sendiri...mok sakit...jadi jaga lah...sian ko mok..sebab dia tak leh jalan..ngesot je...lagipun saya ni mok ayoh doh tak dok, jadi boleh la jago..”

Walaupun kebanyakan penjaga mempunyai masalah sendiri seperti kes Hani yang mempunyai seorang anak kecil kurang upaya, tetapi dalam masa yang sama beliau terpaksa menjaga ibu mertua yang sedang sakit dan uzur. Walaupun menjaga warga tua secara terpaksa dan berhadapan kesukaran, beliau tetap menyediakan penjagaan mengikut kemampuan beliau sendiri. Dalam hal ini sokongan daripada ahli keluarga yang lain amat penting supaya penjaga tidak merasa terbeban dan menderita.

4.4 Pilihan Warga Tua

Kajian ini juga mendapati sebab penjaga menjaga warga tua adalah kerana pilihan warga tua itu sendiri untuk dijaga oleh mereka. Warga tua yang sakit dan uzur biasanya lebih memilih untuk dijaga oleh anak perempuan berbanding anak lelaki. Menurut Fatimah Abdullah (2009), anak lelaki sepatutnya bertanggungjawab menjaga ibu bapa mereka yang telah tua tetapi penjagaan fizikal selalunya menjadi tugas anak perempuan. Peranan anak perempuan yang lebih utama itu mungkin mempunyai kaitan dengan anggapan umum bahawa menantu perempuan tidak dapat memberikan jagaan sebagaimana yang dilakukan oleh anak perempuan sendiri. Ada juga anak lelaki enggan untuk menjaga ibu bapa yang sakit dan uzur kerana takut membebaskan isterinya. Sebagaimana diceritakan oleh informan Mok Teh,

“...Mok Teh ni ada 9 beradik semua nya...dua je puan..adik hok puan duduk Jerneh nung.. ayah Mok Teh ni tak berapa suka duduk ngan hok laki..kalu gi pun semetar jah...pahtu duk sibuk nok balik sini..hor la..natu kan..lagu mana sangat caro nya..ayoh Mok Teh paka duk sini je lah...gi rumah adik hok kata tadi duk Jerneh tu pun tak lama mana nya..paling lama sminggu...pah tu gelisoh nok kelik sini...Mok Teh tak de masalah kalu dia nak duduk sini...tapi gak duk ulang kelik gitu lah kalu hari Mok Teh nego gak...tak nego kan, mugo kita ada anak sekolah lagi..nok gi mana-mana pun dia tak berapa nok buwi...gi beli barang kedai gak kelik slalu...tok dang nok gi kelih kok lain...”

Apabila situasi ini berlaku, anak perempuan tiada pilhan lain terpaksa menjaga ibu bapa yang sakit dan uzur. Walaupun tidak dapat menyediakan kemudahan penjagaan yang baik, mereka tetap mengambil tanggungjawab menjaga ibu bapa yang sakit dan uzur tersebut. Namun demikian, ada juga dalam kalangan anak perempuan yang enggan menjaga ibu bapa kerana tidak mendapat persetujuan daripada pasangan mereka.

5. Perbincangan

Tugas menjaga warga tua yang sakit dan uzur adalah sangat sukar dan bukan sesuatu perkara yang mudah kerana ia menuntut kesabaran dan komitmen yang tinggi daripada penjaga. Hal ini kerana sifat semulajadi warga tua yang lemah, uzur dan tidak berupaya itu menyebabkan mereka perlu bergantung kepada orang lain. Bagi yang menjaga atas sebab untuk membalas jasa dan tanggungjawab, situasi ini lebih menonjolkan mereka melakukan tugas penjagaan secara sukarela. Mereka dengan rela hati menjaga warga tua yang sakit dan uzur walaupun berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran. Berbeza pula bagi penjaga yang tiada pilihan dan menjadi pilihan warga tua itu sendiri untuk dijaga oleh mereka. Dalam situasi ini, mereka sebenarnya terpaksa menjaga warga tua yang sakit dan uzur tersebut. Walaupun terpaksa, mereka tetap perlu melakukan tugas penjagaan tersebut dan perlu berhadapan dengan emosi warga tua yang tidak stabil seperti mudah marah, sensitif dan mudah merajuk. Apabila situasi ini berlaku kadangkala menyebabkan hubungan penjaga dan warga tua terjejas.

6. Kesimpulan

Walaupun penjaga melakukan tugas penjagaan sama ada secara sukarela atau terpaksa, penjaga juga perlu dijaga supaya kesejahteraan hidup mereka tidak terjejas. Hal ini kerana penjaga tetap perlu menjaga warga tua yang sakit dan uzur sama ada secara sukarela atau terpaksa tanpa bayaran atau ganjaran kewangan. Malah kehidupan mereka turut terganggu dengan tugas penjagaan ini. Justeru itu, golongan penjaga ini perlu mendapat sokongan sosial daripada pelbagai pihak khususnya kaum keluarga untuk mengelakkan mereka berasa terbeban dengan tugas penjagaan tersebut. Walaupun penjagaan jangka panjang warga tua yang sakit dan uzur kurang mendapat perhatian umum dan dianggap sebagai urusan peribadi, isu penjagaan jangka panjang ini perlu diperhalusi dengan teliti sebagai persediaan menghadapi cabaran sebagai negara tua pada masa akan datang.

7. Rujukan

- Anonymous., 2003. The coming crisis of long-term care. *The Lancet* 36 (9371): 1755.
- Bruhn, J.G. & Rebach, H.M., 2014. *The sociology of caregiving*. New York: Springer.
- Fatimah Abdullah., 2009. Isu dan cabaran penjagaan tidak formal. *Malaysian Journal of Social Administration* 6 : 73-86.
- Kalache, A., Berreto, M., & Keller, I., 2005. Global ageing: the demographic revolution in all culture & societies. Dlm. Johnson, M., L. *The Cambridge Handbook Of Age & Ageing*. United State: Cambridge University Press.
- Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Khairuddin Idris & Asnarulkhadi Abu Samah., 2010. Pengalaman Penjagaan ibu bapa tua oleh anak dewasa: satu kajian dalam kalangan penduduk Melayu bandar berpendapatan rendah. *AKADEMIKA* 78 (Jan-April): 77-87.
- Osman Ali., 1999. *Peralihan kesihatan: perkembangan & iktibar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rowles, G.D. & Teaster, P. A., 2016. *Long-term care in aging society: theory & practice*. United States: Springer Publishing Company.
- Selvaratnam, D. P., Nor Aini Hj Idris & Norlaila Abu Bakar., 2010. *Warga tua di Malaysia: ke arah kesejahteraan ekonomi & sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Seow, Ta Wee & Sanmargaraja, Shalini., 2014. *Isu penuaan & fasiliti di rumah orang tua*. Johor Darul Ta'zim: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sidek Mohd Noah., 2002. *Reka bentuk penyelidikan: falsafah, teori & praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sullivan, A. B. & Miller, D., 2015. Who is taking care of the caregiver?. *Journal of Patient Experience* 1 (2): 7-12.